

SSM kecuali kompaun lewat perbaharui daftar niaga

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengecualikan kompaun ke atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan yang tamat tempoh pada 17 Mac hingga 30 Jun tahun ini.

Tindakan itu bagi meringankan beban kewangan pemilik perniagaan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

SSM berkata, pengecualian akan memberi manfaat kepada 270,000 pemilik perniagaan yang memiliki perniagaan tamat tempoh ketika berlangsungnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Seksyen 12(1)(b) Akta Pendaftaran Perniagaan (APP) 1956 menetapkan adalah satu kesalahan apabila seseorang meneruskan sesuatu perniagaan selepas tamat

tempoh pendaftaran.

“Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali,” menurut SSM dalam kenyataan semalam.

Maklumat lanjut, hubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my
BERNAMA



Khamis, 11 Jun 2020 | 12:56pm



Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengecualikan kompaun ke atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan yang tamat tempoh pada 17 Mac, 2020 sehingga 30 Jun, 2020.

COVID-19: SSM kecualikan kompaun kelewatan pembaharuan pendaftaran

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengecualikan kompaun ke atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan yang tamat tempoh pada 17 Mac, 2020 sehingga 30 Jun, 2020 bagi meringankan beban kewangan pemilik perniagaan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Menurut SSM, pengecualian kompaun itu akan memberi manfaat kepada 270,000 pemilik perniagaan yang memiliki perniagaan yang tamat tempoh semasa berlangsungnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Seksyen 12(1)(b) Akta Pendaftaran Perniagaan (APP) 1956 menetapkan bahawa adalah satu kesalahan apabila seseorang meneruskan sesuatu perniagaan selepas tamat tempoh pendaftaran dan jika disabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," menurut SSM dalam kenyataan, hari ini. – BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/699057/covid-19-ssm-kecualikan-kompaun-kelewatan-pembaharuan-pendaftaran>